



**1. PEGAWAI PELAJARAN
UNIT HAL EHWAH ANTARABANGSA
(PENDIDIKAN TERAS)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
G.13 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 3**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pentadbiran / Pengurusan ICT / Pendidikan atau bidang bersesuaian.
2. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
3. Mempunyai pengalaman dalam Pengurusan / Pengetahuan hal Ehwal antarabangsa dan ICT adalah kelebihan.

TEMPOH PERCUBAAN

Bagi yang bukan pemegang Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dikehendaki terlebih dahulu mengikuti dan lulus program *Postgraduate Certificate of Education (PGCE)* atau *Postgraduate Certificate of Technical Education (PGCTE)* atau *Education Specialist Diploma / Certificate* atau *Master of Teaching* di dalam tempoh percubaan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PELAJARAN:

1. Sebagai Pegawai Meja (Desk Officer) Antarabangsa.
2. Mengkordinasi dan memantau penglibatan Negara dalam projek-projek, program-program dan aktiviti-aktiviti pendidikan yang dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa.
3. Mengkordinasi dan menyediakan maklumat, laporan, data atau kertas kerja persidangan, mesyuarat, bengkel dan lawatan kerja ke luar negeri.



4. Menganalisa apa jua laporan, database maklumat, data, projek dan aktiviti pendidikan yang diterima daripada organisasi-oraganisasi, institusi-institusi dan agensi-agensi luar negeri.
5. Merancang dan menyediakan rang anggaran peruntukan keperluan tahunan dan laporan rancangan kerja tahunan Unit Hal Ehwal Antarabangsa.
6. Merancang, menilai dan mengungkayahkan proses penganalisaan dan perancangan keperluan latihan bagi para pegawai/kakitangan.